



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 11 TAHUN 2013**

**PELAKSANAAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D.
- KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN
PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TARIKH: 31 OKTOBER 2013

**PELAKSANAAN KOD AMALAN INDUSTRI S.P.A.D.
- KESELAMATAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN
PERKHIDMATAN KENDERAAN BARANGAN**

1. TUJUAN

Pekeliling in bertujuan untuk memaklumkan semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan berhubung Pelaksanaan Kod Amalan Industri (ICOP) S.P.A.D. Keselamatan ("SPAD ICOP - Keselamatan").

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam darat ("S.P.A.D.") diberi mandat untuk mengawalselia serta memantau prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh semua pengendali berlesen dan pemegang lesen perkhidmatan pengangkutan awam darat.

- 2.2 Antara langkah yang telah diambil oleh S.P.A.D. untuk memastikan sistem pengangkutan awam darat di negara ini menepati piawaian keselamatan berdasarkan amalan terbaik ialah memperkenalkan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.

3. PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Di bawah seksyen 57 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) ("APAD") , S.P.A.D. ICOP - Keselamatan ini dijadikan syarat am lesen pengendali kenderaan barangan seperti berikut:

"Pemegang lesen pengendali hendaklah mematuhi Kod Amalan Industri S.P.A.D. - Keselamatan."

- 3.2 Pekeliling ini hendaklah **dibaca** bersama setiap lesen pengendali kenderaan barangan.

- 3.4 Bagi pengendali yang melanggar peraturan keselamatan di bawah S.P.A.D. ICOP - Keselamatan yang telah dinyatakan sebagai syarat lesen pengendali, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 57(3) APAD di mana apabila disabitkan kesalahan, pengendali berlesen boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau depenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Tindakan juga boleh diambil di

bawah seksyen 62 APAD iaitu untuk membatalkan atau menggantung lesen pengendali tersebut.

- 3.5 Buku panduan mengenai **S.P.A.D. ICOP - Keselamatan** dilampirkan sebagai garis panduan. Buku panduan ini hendaklah digunakan sebagai dokumen rujukan oleh setiap pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan. Buku panduan ini akan dikemaskini dengan penerbitan buku panduan versi baru dari semasa ke semasa.

4. PEMAKAIAN

S.P.A.D. ICOP - Keselamatan ini terpakai kepada semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 NOVEMBER 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)

Ketua Pegawai Esekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat